

UMNO sudah pulih sepenuhnya dan akan jadi lebih berwibawa – PM

KUALA LUMPUR, 3 Jun — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, UMNO bukan sahaja sudah pulih sepenuhnya bahkan telah menunjukkan tanda-tanda akan menjadi parti yang lebih kuat dan berwibawa untuk memperjuangkan kepentingan orang-orang Melayu pada masa depan.

Presiden parti itu menegaskan, tanda-tanda yang jelas mengenai kebangkitan UMNO ialah bilangan ahli yang lebih ramai di sesetengah negeri serta cawangan yang semakin bertambah.

Bercakap dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO (MT) di sini hari ini, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, kini UMNO mempunyai 9,309 cawangan berbanding 8,668 cawangan sebelum parti itu dihidupkan semula.

“Bilangan 9,309 cawangan sekarang ini adalah sah ke-

rana telah didaftarkan sebanyak bilangan ahli dan cawangan sebelum ini masih dipertikaikan kesahihannya kerana tidak pasti sama ada berdaftar atau tidak,” katanya.

Mengenai usaha menuntut semula harta UMNO lama dari Pemegang Amanah Raya, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, MT masih belum memutuskan cara yang paling baik untuk memindahkan semula semua harta tersebut.

“Satu analisis yang wajar perlu dibuat bagi mengetahui cara yang terbaik untuk mendapatkan semula harta itu demi kepentingan parti.

“Memandangkan masalah ini tidak pernah berlaku dalam sejarah negara, ia menyukarkan Pemegang Amanah Raya apatah lagi ia tidak mempunyai kakitangan yang cukup untuk mengendalikannya.”

Beliau menegaskan, masalah yang dihadapi adalah mendesak kerana faedah (bank) akan meningkat dan membuat proses pemindahan semula harta itu menjadi lebih sukar.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, mesyuarat hari ini juga membincangkan tentang kedudukan UMNO sekarang dan soal keahlian.

Inilah kali pertama beliau mempengerusikan mesyuarat MT UMNO sejak sembuh selepas menjalani pembedahan pintasan jantung pada 24 Januari lalu.